



SOP

KEJOHANAN OLAHRAGA MASTER TERBUKA MALAYSIA YANG KE-34, 2022

21 – 22 MEI 2022

1. Hanya atlet dan Pegawai Pasukan yang mengambil bahagian sahaja dibenarkan masuk ke tempat pertandingan. Mereka dikehendaki tiba 2 jam sebelum acara mereka bermula dan hendaklah meninggalkan kawasan pertandingan selepas majlis penyampaian hadiah dijalankan.
2. Ahli-ahli yang ditugaskan oleh Jawatankuasa Pengangur akan membimbang dan memantau kehadiran atlet, pegawai dan lain-lain tetamu di tempat pertandingan. Ahli-ahli ini juga bertanggungjawab mengawasi keadaan di kawasan pertandingan supaya semua yang terlibat mematuhi **Prosedur SOP** dengan ketat.
3. Pegawai pasukan hendaklah mengawasi pergerakan atlet semasa berada di stadium.
4. Semua atlet, pegawai, pengurusan dan ahli-ahli urus setia harus mengimbas aplikasi '**MY SEJAHTERA**' dan membuat saringan suhu sebelum ke tempat pertandingan.
5. Individu yang mempunyai suhu melebihi **37.5° celcius** dan / atau bergejala (batuk, selsema, sakit tekak & susah bernafas) **DILARANG** memasuki kawasan pertandingan.
6. Semua yang terlibat mestilah memakai 'face mask' sepanjang berada di kawasan pertandingan kecuali semasa sesi warm-up dan semasa acara pertandingan dijalankan (Atlet terlibat sahaja).
7. Pastikan pematuhan penjarakan sosial **1 meter**.
8. Menjaga etika bersin atau batuk dengan betul dan membuang tisu ke dalam tong penutup tertutup. Elakan menyentuh mata, hidung dan mulut.
9. Amalkan mencuci tangan dengan kerap menggunakan sabun, air atau 'hand sanitizer'. Basuh tangan dan hadkan hubungan dengan permukaan atau barang yang sering disentuh.
10. Pegawai pasukan perlu meminimakan pergerakan semasa pendaftaran masuk dan keluar, pengambilan nombor penyertaan dan kedudukan di kawasan pertandingan.
11. Pegawai pasukan harus memastikan bahawa pasukan dan sukarelawan mereka diberi penerangan mengenai protokol dan prosedur SOP dengan betul.
12. Memastikan atlet agar tidak menyentuh mulut atau hidung mereka sendiri. Elakkan bersalaman atau berpelukan.
13. Pihak pengangur akan menyediakan semua bekalan yang diperlukan seperti hand sanitizer, sabun, tisu, tong penutup tertutup, penanda jarak dan face mask di sekitar tempat pertandingan.
14. Hadkan hubungan rapat fizikal.



SOP

KEJOHANAN OLAHRAGA MASTER TERBUKA MALAYSIA YANG KE-34, 2022

21 – 22 MEI 2022

15. Pasukan yang mengambil bahagian **DILARANG** menjerit dan melaungkan (sorakan) untuk mengelakan titisan pernafasan bergerak lebih jauh.
16. Makan di kawasan yang telah disediakan sahaja dan jumlah tidak melebihi 20 orang yang dibenarkan. Atlet haruslah mengekalkan penjarakan sosial di kawasan ini.
17. Semua yang terlibat harus mengimbas aplikasi "**MY SEJAHTERA**" setiap kali memasuki semula ke tempat pertandingan.
18. Upacara penyampaian hadiah tidak diadakan dan para pemenang / Pengurus pasukan boleh menuntut pingat kemenangan di Bilik urus setia selepas pengumuman keputusan rasmi dibuat.
19. Kehadiran atlet di stadium dikehendaki mengikut Jadual Pertandingan yang di sediakan.
20. Kehadiran Penonton / Penyokong adalah **TIDAK DIBENARKAN** masuk stadium bersama-sama.
21. Semua atlet, jurulatih dan pegawai pasukan yang menyertai kejohanan ini diwajibkan didaftarkan dan disenaraikan dalam borang pendaftaran bagi tujuan kebenaran memasuki ke stadium.

S. SIVAPRAGASAM, A.M.W.
PRESIDENT
MALAYSIAN MASTERS ATHLETIC ASSOCIATION
NO. 20, 55 3/49, 47300 PETALING JAYA,
SELANGOR, MALAYSIA